

TARIKH	JUMAAT, 23 FEBRUARI 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	MOSTI SASAR PBT GUNA 20 TEKNOLOGI TEMPATAN
M/S	7
BIDANG	MOSTI
KATA KUNCI	MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION, PBT

## MOSTI sasar PBT guna 20 teknologi tempatan

**Cyberjaya:** Teknologi pengurusan sisa pepejal, penjimatan tenaga dan kecerunan bukit hasil inovasi tempatan antara yang akan digunakan bagi membantu menyelesaikan masalah dihadapi pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Chang Lih Kang, berkata kementerian juga membuka peluang kepada syarikat teknologi dan inovasi tempatan untuk mempromosi dan mengkomersial perkhidmatan kepada agensi kerajaan.

Menurutnya, inisiatif itu selari dengan aspirasi kerajaan dalam menaik taraf tahap penyampaian perkhidmatan awam bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat.

Katanya, MOSTI yakin usaha berterusan ini perlu dilakukan bagi meningkatkan penggunaan teknologi pada peringkat PBT supaya kualiti penyampaian berada pada tahap yang baik.

"Pada tahun ini, MOSTI menasarkankan 20 teknologi tempatan dapat dikomersialkan dan digunakan pakai pada peringkat PBT menjelang 2025," katanya di sini semalam.

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT), Rushdi Abdul Rahim dan EXCO Perumahan dan Kerajaan Perak, Sandrea Ng Shy Ching.

Sebelum itu, Lih Kang menerima kunjungan 15 PBT Perak bagi mewujudkan hubungan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri.

DISEDIAKAN  
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM